A

ZALAM CORPORATION SDN BHD

v.

DOLOMITE READYMIXED CONCRETE SDN BHD

B

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
SULAIMAN DAUD HMR
JEFFREY TAN HMR
ZAHARAH IBRAHIM HMR
[RAYUAN NO: W-02-688-08]

C

15 JULAI 2011

UNDANG-UNDANG SYARIKAT: *Penggulungan - Petisyen penggulungan - Injunksi menghalang pengemukaan petisyen - Rayuan terhadap - Sama ada mahkamah perbicaraan tersilap dalam*

D

membenarkan injunksi menghalang pengemukaan petisyen - Sama ada pemiutang dihalang daripada meneruskan petisyen jika penghutang mempunyai tuntutan silang terhadap pemiutang yang melebihi jumlah penghakiman - Sama ada kesolvenan penghutang boleh ditimbangkan di peringkat permohonan injunksi - Sama ada pengemukaan petisyen suatu

E

penyalahgunaan proses mahkamah - Akta Syarikat 1965, s. 218

PROSEDUR SIVIL: *Injunksi - Injunksi menghalang pengemukaan petisyen - Rayuan terhadap - Sama ada mahkamah perbicaraan tersilap dalam membenarkan injunksi menghalang pengemukaan petisyen - Sama*

F

ada pemiutang dihalang daripada meneruskan petisyen jika penghutang mempunyai tuntutan silang terhadap pemiutang yang melebihi jumlah penghakiman - Sama ada kesolvenan penghutang boleh ditimbangkan di peringkat permohonan injunksi - Sama ada pengemukaan petisyen suatu penyalahgunaan proses mahkamah - Akta Syarikat 1965, s. 218

G

Ini adalah rayuan perayu ('defendan pertama') terhadap keputusan hakim Mahkamah Tinggi ('hakim') yang telah membenarkan permohonan responden ('plaintif') untuk mendapatkan suatu injunksi bagi menghalang defendan pertama daripada mengemukakan petisyen penggulungan terhadapnya di bawah

H

s. 218 Akta Syarikat 1965 ('Akta'). Plaintif adalah sebuah syarikat yang menjalankan perniagaan membekal dan menjual "readymixed concrete" ('barangan tersebut'). Melalui perjanjian-perjanjian bertarikh 1 Julai 1999 dan 14 Jun 2000 ('perjanjian tersebut'), plaintif telah bersetuju untuk membekalkan barangan tersebut

I

kepada defendan pertama menurut terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan di bawah perjanjian tersebut. Memandangkan

defendan pertama telah gagal atau enggan menjelaskan baki harga barangan tersebut yang masih terhutang sebanyak RM266,279.03, maka plaintif telah memulakan tindakan terhadap defendan pertama bagi menuntut jumlah tersebut. Defendan pertama pula telah memfailkan bersama-sama dengan pembelaannya, suatu tuntutan balas terhadap plaintif bagi jumlah RM311,359.17. Permohonan defendan pertama untuk mendapatkan penghakiman terus bagi tuntutan balasnya di bawah A. 14 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 telah dibenarkan oleh Mahkamah Tinggi di mana plaintif telah diperintahkan untuk membayar kepada defendan pertama wang sejumlah RM161,979.59 ('penghakiman tersebut') dan baki tuntutan balasnya akan dibicarakan bersama-sama dengan tuntutan plaintif. Permohonan plaintif untuk penggantungan perlaksanaan penghakiman tersebut telah ditolak oleh Mahkamah Tinggi dan rayuannya ke mahkamah ini juga telah ditolak. Melalui notis statutori yang dikeluarkan di bawah s. 218 Akta, defendan pertama telah menuntut daripada plaintif wang pokok sebanyak RM161,979.59 berserta dengan faedah sebanyak RM48,593.89, menurut penghakiman tersebut. Sebaliknya, plaintif telah memfailkan permohonan injunksi bagi menghalang defendan pertama daripada mengemukakan suatu petisyen penggulungan terhadapnya sehingga selesai perbicaraan tuntutannya terhadap defendan pertama memandangkan tuntutan silang plaintif dalam guaman yang sama adalah melebihi jumlah penghakiman tersebut. Permohonan injunksi plaintif telah dibenarkan oleh hakim atas alasan bahawa plaintif masih solven dan oleh yang demikian, defendan pertama nescaya akan gagal jika ia meneruskan dengan petisyen penggulungannya. Dua isu pokok yang dibangkitkan di dalam rayuan ini untuk pertimbangan adalah (a) sama ada defendan pertama boleh dihalang daripada meneruskan petisyen penggulungan terhadap plaintif jika plaintif mempunyai tuntutan silang yang melebihi jumlah penghakiman yang dituntut oleh defendan pertama dan (b) jika (a) dijawab secara negatif, sama ada defendan pertama boleh dihalang sedemikian atas alasan bahawa plaintif masih solven.

Diputuskan (membenarkan rayuan dengan kos)
Oleh Sulaiman Daud HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Notis statutori yang dikemukakan kepada plaintif adalah berlandaskan kepada suatu penghakiman muktamad dan permohonan penggantungan penghakiman tersebut juga telah ditolak. Justeru, telah wujud suatu hutang penghakiman yang

A kena dibayar oleh plaintif kepada defendan pertama. Kewujudan apa-apa tuntutan balas yang dipertikaikan dan masih belum diputuskan tidak boleh diterima sebagai alasan bagi keengganan plaintif mematuhi tuntutan statutori tersebut. (perenggan 16)

B

(2) Kes *Pontian United Theatre Sdn Bhd v. Southern Finance Berhad* yang dirujuk oleh peguam plaintif tidak mengajukan satu proposisi undang bahawa kewujudan sesuatu tuntutan balas atau tuntutan silang boleh dijadikan alasan untuk menghalang
C seseorang pemiutang daripada mengemukakan petisyen penggulungan. Dalam kes itu, petisyen penggulungan telahpun difailkan dan salah satu isu di hadapan mahkamah ialah sama ada kewujudan suatu tuntutan balas bagi jumlah wang yang melebihi jumlah yang dituntut melalui petisyen penggulungan
D boleh dijadikan asas bagi menolak petisyen tersebut. Ia tiada kaitan dengan permohonan untuk menghalang pengemukaan sesuatu petisyen. (perenggan 18)

(3) Petisyen untuk menggulungkan suatu syarikat berdasarkan
E kepada suatu penghakiman yang sah bukannya suatu penyalahgunaan proses mahkamah. Walaupun terdapat keterangan yang menunjukkan bahawa plaintif telah mengemukakan jumlah hutang penghakiman itu kepada peguamnya, ia tidak mengeluarkan plaintif daripada takrifan
F 'orang yang tidak mampu membayar hutangnya' di bawah s. 218(2)(a) Akta. Jumlah hutang yang dituntut melebihi RM500 dan plaintif masih mengabaikan pembayaran hutang penghakiman yang dituntut dalam tempoh yang ditetapkan di bawah seksyen itu. Di samping itu, isu tentang kesolvenan
G seseorang penghutang tidak sepatutnya ditimbangkan di peringkat permohonan injunksi (*Mann and Another v. Goldstein and Another*; dirujuk). (perenggan 23 & 24)

(4) Hakim yang bijaksana telah terlepas pandang bahawa plaintif masih lagi belum memuaskan tuntutan statutori defendan
H pertama yang berasaskan suatu penghakiman sah yang tidak digantung perlaksanaannya. Petisyen yang dimaksudkan itu adalah untuk tujuan yang sah bagi mendesak pembayaran suatu hutang penghakiman yang sah dan bukannya untuk tujuan kolateral yang lain. Adalah lebih sesuai untuk
I memutuskan isu mengenai kesolvenan plaintif dalam prosiding

penggulungan itu sendiri kerana ia merupakan suatu pembelaan yang boleh dibangkitkan dalam prosiding sedemikian. Lagipun, tiada apa-apa dalam afidavit plaintif yang menunjukkan bahawa ia akan mengalami sesuatu kerugian yang sukar untuk dipulihkan jika defendan pertama dibenarkan untuk meneruskan dengan petisyen penggulungan. (perenggan 26 & 27)

English *Translation Of Headnotes*

This was the appellant's appeal ('first defendant') against the decision of the High Court judge ('judge') in allowing the respondent's ('plaintiff') application to obtain an injunction to restrain the first defendant from presenting a winding up petition against it under s. 218 Companies Act 1965 ('Act'). The plaintiff was a company which runs the business of supplying and selling readymixed concrete ('the said goods'). Through the agreements dated 1 July 1999 and 14 June 2000 ('the said agreement'), the plaintiff had agreed to supply the said goods to the first defendant based on the fixed terms and conditions under the said agreement. Since the first defendant had failed or refused to settle the outstanding payment for the said goods which was still owing for the sum of RM266,279.03, thus, the plaintiff had initiated an action against the first defendant to claim for the said sum. On the other hand, the first defendant had filed together with its defence, a counter claim against the plaintiff for the sum of RM311,359.17. The first defendant's application to obtain summary judgment for its counter claim under O. 14 Rules of the High Court 1980 was allowed by the High Court wherein the plaintiff was ordered to pay the sum of RM161,979.59 ('the said judgment') and the balance sum in the counter claim would be tried together with the plaintiff's claim. The plaintiff's application for stay of execution was dismissed by the High Court and its further appeal to this court was also dismissed. *Vide* the statutory notice issued under s. 218 of the Act, the first defendant claimed from the plaintiff the principle sum of RM161,979.59 together with interest amounting to RM48,593.89, which was based on the said judgment. Instead, the plaintiff filed an application for injunction to restrain the first defendant from presenting a winding up petition against it until disposal of the trial against the first defendant since the plaintiff's claim under the cross claim in the same suit was more than the said judgment sum. The plaintiff's injunction application was allowed by the judge based on the reason that the plaintiff was still solvent and as such, the first defendant would

A certainly fail if it proceeds with the winding up petition. The two main issues that arose for consideration in this appeal were (a) whether the first defendant could be restrained from proceeding with the winding up petition against the plaintiff if the plaintiff had a cross claim which was more than the judgment sum claimed by B the first defendant and (b) if (a) was answered in the negative, whether the first defendant could be restrained as such based on the reason that the plaintiff was still solvent.

Held (allowing the appeal with costs)

C **Per Sulaiman Daud JCA delivering the judgment of the court:**

(1) The statutory notice which was presented to the plaintiff was based on a final judgment and the application for stay of execution was dismissed. Moreover, there existed a judgment D debt which was supposed to be paid by the plaintiff to the first defendant. The existence of any counter claim which was in dispute and yet to be decided could not be accepted as an excuse for the plaintiff's refusal to comply with the said statutory claim. E

(2) The case of *Pontian United Theatre Sdn Bhd v. Southern Finance Berhad* which was referred by the plaintiff's counsel had not directed a legal proposition that the existence of a counter claim or cross claim could be made as an excuse to restrain a F particular creditor from presenting a winding up petition. In that case, the winding up petition had already been filed and one of the issue before the court was whether the existence of a counter claim for the sum exceeding the amount claimed through a winding up petition could be used as a basis to G dismiss the said petition. It had no connection with an application to restrain the presentation of a petition.

(3) A petition to wind up a company based on a valid judgment was not an abuse of court process. Though there was H evidence to show that the plaintiff had issued the judgment debt sum to its solicitors, it did not remove the plaintiff from the definition of 'persons unable to pay its debts' under s. 218(2)(a) of the Act. The amount owed was more than RM500 and the plaintiff neglected to pay the judgment debt I which was claimed within the time fixed under the said

section. Besides, the issue in relation to solvency of a debtor was not supposed to be weighed at the stage of an injunction application (*Mann and Another v. Goldstein and Another*; refd).

(4) The honourable judge had overlooked that the plaintiff had not satisfied the first defendant's statutory claim which was based on a valid judgement whereby the execution of it was not stayed. The said petition was for a valid reason to insist on payment of a valid judgment debt and was not for other collateral reasons. It was appropriate to decide on the issue of the plaintiff's solvency in the winding up proceeding itself because it was a defence which could be used in such a proceeding. Furthermore, there was nothing in the plaintiff's affidavit which showed that it would incur any loss which was difficult to be restored if the first defendant was allowed to proceed with the winding up petition.

Kes-kes yang dirujuk:

Bryanston Finance Ltd v. De Vries (No 2) [1976] 1 All ER 25 ***(dirujuk)***

Equiticorp Holdings Ltd v. Plasticool (M) Sdn Bhd [2007] 10 CLJ 222 HC ***(dirujuk)***

Fortuna Holdings Pty Ltd v. Deputy Commissioner of Taxation of the Commonwealth of Australia [1978] VR 83 ***(dirujuk)***

Malaysian Resources Corporation Bhd v. Juranas Sdn Bhd [2002] 7 CLJ 260 HC ***(dirujuk)***

Mann and Another v. Goldstein and Another [1968] 2 All ER 769 ***(dirujuk)***

Mobikom Sdn Bhd v. Inmiss Communications Sdn Bhd [2007] 3 CLJ 295 CA ***(dirujuk)***

People Realty Sdn Bhd v. Red Rock Construction Sdn Bhd [2008] 1 CLJ 632 CA ***(dirujuk)***

Pontian United Theatre Sdn Bhd v. Southern Finance Berhad [2006] 1 CLJ 1067 CA ***(dirujuk)***

Re a Company [1993] BCLC 131 ***(dirujuk)***

RHB Bank Bhd v. Gunasingam Ramasingam [2002] 5 CLJ 544 HC ***(dibezakan)***

Perundangan yang dirujuk:

Companies Act 1965, ss. 217, 218(1)(e), (2)(a)

Rules of the High Court 1980, O. 14, O. 92 r. 4

Bagi pihak perayu - SK Lam (Haryathy Hashim bersamanya); T/n SK Lam, Wong & Yap

Bagi pihak responden - Michael Chan (TJ Chin bersamanya); T/n TJ Chin

[Nota Pengarang: Untuk penghakiman Mahkamah Tinggi, sila lihat Dolomite Readymixed Concrete Sdn Bhd v. Zalam Corporation Sdn Bhd & 6 Ors [2008] 1 LNS 201.]

Dilaporkan oleh Kumitha Abdul Majid

PENGHAKIMAN

Sulaiman Daud HMR:

[1] Ini adalah rayuan defendan pertama (perayu dalam rayuan ini) terhadap keputusan Hakim Mahkamah Tinggi ("hakim") yang telah membenarkan permohonan plaintif (responden dalam rayuan ini) untuk mendapatkan suatu injunksi menghalang defendan pertama daripada mengemukakan suatu petisyen penggulungan terhadapnya di bawah s. 218 Akta Syarikat 1965 ("Akta"). Setelah mendengar penghujahan peguam terpelajar kedua-dua belah pihak, kami telah membenarkan rayuan ini dengan kos. Kini disampaikan alasan keputusan kami itu.

Latar Belakang

[2] Plaintif adalah sebuah syarikat yang menjalankan perniagaan membekalkan dan menjual "readymixed concrete" (disebut "barangan"). Melalui perjanjian bertarikh 1 Julai 1999 dan 14 Jun 2000, plaintif telah bersetuju untuk membekalkan barangan tersebut kepada defendan pertama menurut terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan di bawah perjanjian itu. Plaintif menegaskan defendan pertama telah memungkiri perjanjian tersebut dengan kegagalan atau keengganannya menjelaskan harga barangan yang telah dibekalkan dan dihantar ke tapak-tapak projek mengikut pesanan defendan pertama. Berikutannya, plaintif telah memulakan tindakan terhadap defendan pertama, melalui writ saman S6-22-1644-2003, menuntut sejumlah RM266,279.03, iaitu baki harga barangan yang masih terhutang dan kena dibayar di bawah perjanjian.

[3] Defendan pertama telah memfailkan, bersama-sama dengan pembelaannya, suatu tuntutan balas terhadap plaintif menuntut sejumlah RM311,359.17, iaitu, (i) RM25,200 sebagai ganti rugi bagi pampasan yang telah dibayar kepada mangsa-mangsa banjir yang dikatakan berpunca dari kecuaian plaintif, dan (ii)

RM286,159.17 kerana kerugian yang dikatakan telah dialami akibat kegagalan plaintif membekalkan barangan tersebut mengikut terma-terma perjanjian.

[4] Permohonan defendan pertama untuk mendapatkan penghakiman terus bagi tuntutan balasnya di bawah A. 14 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ("KKMT 1980") telah ditolak pada awalnya oleh Penolong Kanan Pendaftar. Bagaimanapun, rayuannya telah dibenarkan oleh Mahkamah Tinggi, dan plaintif telah diperintahkan membayar kepada defendan pertama wang sejumlah RM161,979.59 (disebut "penghakiman tersebut"), dan baki tuntutan balasnya akan dibicarakan bersama-sama dengan tuntutan plaintif. Permohonan plaintif untuk penggantungan perlaksanaan penghakiman itu telah ditolak oleh Mahkamah Tinggi, dan rayuannya ke mahkamah ini juga telah ditolak.

Notis Statutori Dan Permohonan Injunksi

[5] Melalui notis statutori bertarikh 7 November 2007 yang dikeluarkan di bawah s. 218 Akta Syarikat 1965 ("Akta"), defendan pertama telah menuntut daripada plaintif wang pokok sebanyak RM161,979.59 berserta dengan faedah sebanyak RM48,593.89, menurut penghakiman tersebut. Plaintif telah mengabaikan atau gagal mematuhi tuntutan itu, tetapi sebaliknya telah memfailkan saman pemula sekarang ini memohon suatu injunksi menghalang defendan pertama daripada mengemukakan suatu petisyen penggulungan terhadapnya sehingga selesai perbicaraan tuntutannya terhadap defendan pertama atas alasan bahawa tuntutan silang plaintif dalam guaman yang sama jauh melebihi jumlah penghakiman tersebut.

[6] Hakim yang bijaksana tidak menafikan bahawa defendan pertama telah memperolehi suatu penghakiman muktamad yang boleh dilaksanakan tanpa perlu menunggu selesainya tuntutan plaintif terhadap defendan pertama. Beliau juga tidak mempertikaikan bahawa responden bertanggungan untuk membayar jumlah penghakiman tersebut apabila diminta, dan notis statutori di bawah s. 218 Akta boleh disampaikan kepada plaintif jika ia gagal atau enggan membuat bayaran yang dituntut itu. Namun demikian, Hakim yang bijaksana telah membenarkan tuntutan plaintif untuk mendapatkan injunksi yang dipohon atas alasan bahawa plaintif masih solven, dan oleh yang demikian defendan pertama nescaya akan gagal jika ia meneruskan dengan petisyen penggulungannya.

A **Rayuan Sekarang Ini**

[7] Berdasarkan kepada penghujahan peguam terpelajar kedua-dua belah pihak, kami mendapati dua isu pokok yang dibangkitkan dalam rayuan ini adalah seperti berikut, iaitu:

B (a) sama ada defendan pertama boleh dihalang daripada meneruskan petisyen penggulungan terhadap plaintif jika plaintif mempunyai tuntutan silang yang melebihi jumlah penghakiman yang dituntut oleh defendan pertama; dan

C (b) jika (a) di jawab secara negatif, sama ada defendan pertama boleh dihalang sedemikian atas alasan bahawa plaintif masih solven.

[8] Sebelum menimbangkan kedua-dua isu ini, kami mendapati
D sesuai di peringkat ini untuk memperkatakan secara ringkas mengenai undang-undang yang berkaitan dengan injunksi bagi menghalang pengemukaan petisyen penggulungan.

[9] Adalah jelas bahawa penghakiman yang diperolehi oleh
E defendan pertama terhadap plaintif mewujudkan suatu hutang yang kena dibayar oleh plaintif kepada defendan pertama. Defendan pertama yang kepadanya hutang itu kena dibayar akan menjadi seorang pemiutang (creditor) bagi maksud Akta, khususnya di bawah ss. 217 dan 218. Sebagai seorang pemiutang dia boleh
F menuntut jumlah yang terhutang daripada plaintif. Plaintif yang telah gagal membayar hutang yang dituntut dalam masa yang ditetapkan adalah disifatkan sebagai seorang penghutang (debtor) yang 'tidak mampu membayar hutangnya' di bawah s. 218(1)(e) Akta, iaitu salah satu keadaan yang membolehkan plaintif, sebagai
G penghutang, digulungkan atas petisyen pemiutangnya, iaitu defendan pertama.

[10] Walau apa pun, adalah suatu prinsip undang-undang yang mantap bahawa mahkamah mempunyai bidang kuasa untuk menghalang pengemukaan sesuatu petisyen penggulungan atau
H penerusan apa-apa prosiding selanjutnya pada menjalankan kuasa sedia adanya (inherent power) yang terpelihara di bawah A. 92 k. 4 KKMT 1980 untuk mencegah penyalahgunaan proses mahkamah. Mahkamah di negara ini telah menjalankan kuasa sedia ada tersebut dalam beberapa keadaan, termasuk, jika pempetisyen
I nescaya akan gagal dalam petisyen yang akan dikemukakannya

(lihat *RHB Bank Bhd v. Gunasingam Ramasingam* [2002] 5 CLJ 544 yang mengikuti kes *Bryanston Finance Ltd v. De Vries (No 2)* [1976] 1 All ER 25), atau jika petisyen itu diasaskan kepada hutang yang jelas dipertikaikan yang sepatutnya diselesaikan melalui prosiding biasa (*Malaysian Resources Corporation Bhd v. Juranas Sdn Bhd* [2002] 7 CLJ 260), atau jika sesuatu petisyen dikemukakan selain daripada untuk tujuan yang sah.

[11] Mahkamah ini dalam kes *Mobikom Sdn Bhd v. Inmiss Communications Sdn Bhd* [2007] 3 CLJ 295, telah menerima-pakai prinsip yang telah diasaskan oleh McGarvie J dalam kes *Fortuna Holdings Pty Ltd v. Deputy Commissioner of Taxation of the Commonwealth of Australia* [1978] VR 83, dalam menimbangkan sesuatu permohonan injunksi sedemikain. Ringkasnya, pengemukaan petisyen penggulungan boleh dihalang melalui injunksi jika pengemukaannya merupakan suatu penyalahgunaan proses mahkamah. Prinsip yang diasaskan itu mempunyai dua cabang, iaitu, pertama, jika pengemukaan sesuatu petisyen mungkin akan menyebabkan syarikat mengalami kerugian yang sukar dipulihkan dan petisyen itu tidak mungkin akan berjaya; dan, kedua, jika petisyen itu bertujuan untuk menuntut hutang yang dipertikaikan melalui prosedur yang mungkin menyebabkan kerugian yang sukar dipulihkan dan tidak melalui suatu prosedur alternatif yang sesuai.

[12] Dengan berpandukan kepada prinsip undang-undang di atas, kami mulakan dengan isu yang pertama.

Kewujudan Tuntutan Yang Melebihi Jumlah Penghakiman

[13] Peguam terpelajar defendan pertama telah menarik perhatian mahkamah bahawa defendan pertama telahpun memperolehi suatu penghakiman terhadap plaintif, dan perlaksanaannya juga tidak digantung. Defendan pertama juga telah menyerahkan kepada plaintif notis statutori di bawah s. 218(2)(a) Akta yang tidak dipatuhi oleh plaintif. Atas alasan-alasan ini, peguam terpelajar itu menghujahkan plaintif tergolong di bawah kategori syarikat yang tidak mampu membayar hutangnya dan boleh digulungkan di bawah s. 218(1)(e) Akta. Dengan bersandarkan kepada kes *People Realty Sdn Bhd v. Red Rock Construction Sdn Bhd* [2008] 1 CLJ 632, beliau menegaskan defendan pertama tidak boleh dihalang daripada menggunakan hak statutorinya untuk mengemukakan petisyen penggulungan terhadap plaintif hanya oleh sebab plaintif mempunyai tuntutan silang yang melebihi hutang yang dituntut oleh defendan pertama.

[14] Peguam terpelajar plaintif pula menegaskan plaintif mempunyai tuntutan silang terhadap defendan pertama yang masih menunggu perbicaraan di mahkamah. Jumlah tuntutan itu (iaitu sebanyak RM266,279.03) jauh melebihi amaun yang dituntut oleh defendan pertama dalam notis statutorinya. Dengan bersandarkan kepada kes *Pontian United Theatre Sdn Bhd v. Southern Finance Berhad* [2006] 1 CLJ 1067, beliau menghujahkan terdapat kemungkinan petisyen defendan pertama, jika ia dibenarkan untuk mengemukakannya, akan ditolak atas alasan terdapatnya tuntutan silang yang dimaksudkan. Oleh itu, beliau menghujahkan, Hakim yang bijaksana tidak tersilap dalam membenarkan injunksi yang dipohon oleh plaintif.

[15] Kedua-dua kes yang dirujuk oleh peguam-peguam terpelajar adalah keputusan mahkamah ini mengenai kesan sesuatu tuntutan balas dalam sesuatu petisyen kebankrapan. Dalam kes *People Realty, supra*, responden telah menyampaikan kepada perayu suatu notis statutori di bawah s. 218 Akta menuntut pembayaran sejumlah wang berdasarkan kepada suatu penghakiman. Setelah notis disampaikan tetapi sebelum pemfailan petisyen penggulungan, perayu telah memfailkan tuntutan balas terhadap responden, diikuti dengan pemfailan notis usul memohon suatu injunksi menghalang responden dari meneruskan petisyen penggulungan sementara menunggu tuntutan balasnya selesai dibicarakan. Nik Hashim JCA (beliau pada masa itu), dalam menyampaikan keputusan mahkamah ini menolak notis usul tersebut berkata, di ms 639-640:

> … The respondent's winding up petition was grounded on a valid judgment the execution of which had not been stayed. In fact both the High Court and the Court of Appeal had before the filing of the cross claim dismissed the appellant's application for a stay of execution of the judgment. Hence the respondent should not be prevented from pursuing its right to have the appellant wound up for its inability to pay its debt. Only on the hearing of the petition the court would be able to consider the cross claim and determine whether it should exercise its discretion to order winding-up or not to order it. In the event the appellant is ordered to be wound up the cross claim can still be proceeded by the liquidator on behalf of the appellant under s. 236(2) of the Act (*Crocuses & Daffodils (M) Sdn Bhd v. Development & Commercial Bank Ltd* [1997] 3 CLJ 485 CA at p. 491). Thus, to consider the cross claim, which is a separate issue altogether,

before the hearing of the petition is premature and therefore, it should not be considered at that stage. (See *Chip Yew Brick Works Sdn Bhd v. Chang Heer Enterprise Sdn Bhd* [1988] 2 CLJ 424; [1988] 1 CLJ (Rep) 5 SC).

The test in *re Bayoil, supra*, regarding cross-claim is not applicable in the present case, *re Bayoil* was decided upon consideration of a foreign statute. The case, like *Malayan Plant, supra* also fortifies the view that the power of the court to dismiss or stay the petition is to be exercised only 'on the hearing of the petition and not earlier'. Therefore, the need to show special circumstances why the appellant should be wound up before the cross-claim is determined does not arise.

We agree with the respondent that the cross-claim at this stage of the proceedings remains illusory and uncertain since it had still to go through the process of litigation before it could eventually graduate into a judgment. (See *RHB Bank v. Pembinaan MCP Sdn Bhd* [2003] 5 CLJ 335). Even if there exists the cross claim, the petition should not be struck out *in limine* and should be heard on its merit (*Morgan Guaranty Trust Co. New York v. Lian Seng Properties Sdn Bhd* [1991] 1 CLJ 260; [1991] 1 CLJ (Rep) 317 SC).

[16] Adalah ternyata kepada kami bahawa fakta kes sekarang ini sebahagian besarnya adalah sama dengan fakta dalam kes *People Realty, supra*. Sebagaimana yang disebut terdahulu, notis statutori yang dikemukakan kepada plaintif adalah berlandaskan kepada suatu penghakiman muktamad, dan permohonan penggantung penghakiman tersebut juga telah ditolak. Justeru, telah wujud suatu hutang penghakiman yang kena dibayar oleh plaintif kepada defendan pertama. Oleh itu, pada hemat kami, kewujudan apa-apa tuntutan balas yang dipertikaikan dan masih belum diputuskan tidak boleh diterima sebagai alasan bagi keengganan plaintif mematuhi tuntutan statutori tersebut.

[17] Proposi undang-undang yang digariskan dalam kes *People Realty, supra,* juga didapati sekata dengan prinsip yang diajukan dalam kes *Re a Company* [1993] BCLC 131, di mana Millett J, dalam membincangkan isu yang sama telah berkata:

... The existence of a cross-claim will be relevant to the exercise of the court's discretion on the hearing of the petition. The discretion will be exercised in the light of all relevant circumstances then existing. In *Re Leasing & Finance Service Ltd* [1991] BCC 29, Morritt J pointed out that it could not be said

A at the preliminary stage when an application was made for an injunction to restrain the presentation of a petition that the existence of the cross-claim meant that the petition was bound to fail when it came to be heard after advertisement and in the light of the evidence available.

B **[18]** Kami juga bersependapat dengan hakim yang bijaksana bahawa kes *Pontian United Theatre, supra*, yang dirujuk oleh peguam terpelajar plaintif tidak mengajukan satu proposisi undang bahawa kewujudan sesuatu tuntutan balas atau tuntutan silang boleh dijadikan alasan untuk menghalang seseorang pemiutang daripada C mengemukakan petisyen penggulungan. Dalam kes itu petisyen penggulungan telahpun difailkan, dan salah satu isu di hadapan mahkamah ialah sama ada kewujudan suatu tuntutan balas bagi jumlah wang yang melebihi jumlah yang dituntut melalui petisyen penggulungan boleh dijadikan asas bagi menolak petisyen tersebut. D Ia tiada kaitan dengan permohonan untuk menghalang pengemukaan sesuatu petisyen.

Isu Kesolvenan (Solvency Issue) Plaintif

E **[19]** Sebagaimana yang dinyatakan di atas, hakim yang bijaksana telah membenarkan permohonan injunksi plaintif atas alasan bahawa syarikat itu masih solven. Beliau berpendapat fakta bahawa plaintif telahpun mendepositkan jumlah penghakiman tersebut ke dalam akaun peguamnya jelas menunjukkan ia bukannya tak solven F (it is not insolvent) dan ia mampu membayar hutangnya, dan dengan yang demikian, ia tidak sepatutnya tertakluk pada suatu petisyen penggulungan di bawah s. 218(1)(e) Akta.

[20] Dalam memutuskan sedemikian, Hakim yang bijaksana telah bersandarkan kepada kes *RHB Bank Bhd v. Gunasingam* G *Ramasingam* [2002] 5 CLJ 544 di mana mahkamah telah membenarkan permohonan plaintif, sebuah bank, untuk perintah injunksi menghalang defendan daripada memfailkan notis di bawah s. 218 Akta atas alasan petisyen yang akan difailkan kelak nescaya akan gagal kerana plaintif masih solven sebagaimana terbukti melalui H janjinya untuk mendepositkan di mahkamah jumlah penghakiman yang dituntut oleh defendan sementara menunggu keputusan terhadap permohonannya untuk mengetepikan penghakiman ingkar yang dimaksudkan di bawah notis tersebut. Fakta kes itu menunjukkan plaintif telah terlebih dahulu memperolehi I penghakiman terhadap defendan sebanyak RM223,562.39 yang

dituntut atas sifatnya sebagai penjamin kepada kemudahan kewangan yang telah diberikan oleh plaintif. Defendan pula telah memperolehi penghakiman ingkar yang dimaksudkan itu dalam suatu tindakan susulan yang dimulakannya berasaskan fraud yang dikatakan telah dilakukan oleh plaintif dengan mengeluarkan penilaian palsu terhadap tanah yang digunakan sebagai sekuriti bagi pinjaman tersebut.

[21] Peguam terpelajar defendan pertama menghujahkan bahawa Hakim yang bijaksana telah tersilap apabila membenarkan permohonan plaintif hanya atas alasan perayu masih solven dan mampu mendepositkan jumlah yang dituntut ke dalam akaun peguamnya. Beliau menegaskan defendan pertama berhak di sisi undang untuk mengemukakan suatu petisyen penggulungan atas kegagalan plaintif mematuhi notis s. 218 tersebut. Isu sama ada plaintif adalah "commercially solvent" hanya akan diputuskan oleh mahkamah pada pendengaran petisyen penggulungan yang berkenaan dan tidak di peringkat permohonan ini. Sebagai sokongan, beliau telah merujuk kepada kes *Equiticorp Holdings Ltd v. Plasticool (M) Sdn Bhd* [2007] 10 CLJ 222, di mana telah diputuskan sesuatu syarikat yang gagal mematuhi notis statutori pempetisyen adalah disifatkan sebagai tidak mampu membayar hutangnya menurut s. 218(1)(e) Akta, dan berikutannya syarikat itu memikul beban untuk memuaskan hati mahkamah pada pendengaran petisyen itu bahawa ia tidak "commercially solven".

[22] Peguam terpelajar plaintif telah mempertahankan keputusan Hakim yang bijaksana yang mendapati plaintif masih solven, dan selanjutnya menghujahkan adalah suatu penyalahgunaan proses mahkamah untuk meneruskan dengan pengemukaan petisyen penggulungan terhadap plaintif kerana ia nescaya akan gagal. Rujukan telah dibuat kepada kes *Mobikom, supra*, di mana telah diputuskan bahawa petisyen penggulungan boleh dihalang melalui injunksi jika pengemukaannya adalah suatu penyalahgunaan proses mahkamah.

[23] Kami bersetuju dengan peguam terpelajar defendan pertama bahawa petisyen untuk menggulungkan suatu syarikat berdasarkan kepada suatu penghakiman yang sah bukannya suatu penyalahgunaan proses mahkamah. Walaupun dalam kes ini terdapat keterangan yang menunjukkan bahawa plaintif telah mengemukakan jumlah hutang penghakiman itu kepada peguamnya,

pada pendapat kami ia tidak mengeluarkan plaintif daripada takrifan 'orang yang tidak mampu membayar hutangnya' di bawah s. 218(2)(a) Akta. Jumlah hutang yang dituntut melebihi RM500 dan plaintif masih mengabaikan pembayaran hutang penghakiman yang dituntut dalam tempoh yang ditetapkan di bawah seksyen itu.

[24] Adalah juga jelas daripada keputusan-keputusan kehakiman bahawa isu tentang kesolvenan seseorang penghutang tidak sepatutnya ditimbangkan di peringkat permohonan injunksi sedemikian. Mengenai isu ini, dalam kes *Mann and Another v. Goldstein and Another* [1968] 2 All ER 769, Thomas J telah berkata:

> When the creditor's debt is clearly established it seems to me to follow that this court would not, in general at any rate, interfere even though the company would appear to be solvent, for the creditor would, as such, be entitled to present a petition and the debtor would have its own remedy in paying the undisputed debt which it should pay. So, to persist in non-payment of the debt in such circumstances would itself either suggest inability to pay or that the application was an application that the court should give the debtor relief which it itself could provide, but would not provide, by paying the debt. Further, the winding-up order on the ground of inability to pay debts would be the very matter which it would be for the companies court to decide after presentation of the petition: and validly to present a creditor's petition which the company inexplicably would not pay could hardly, in general at any rate, be an abuse the process of the court.

[25] Kami bersetuju dengan saranan Thomas J dalam kes di atas. Di samping itu kami juga mendapati fakta kes di hadapan kami boleh dibezakan dengan kes *RHB Bank, supra*, yang telah diikuti oleh hakim yang bijaksana dalam membenarkan permohonan plaintif. Dalam kes itu permohonan injunksi yang dimaksudkan telah dibuat oleh sebuah bank yang telah menunjukkan melalui keterangan afidavit yang tidak dipertikaikan bahawa ia mempunyai 182 cawangan di Malaysia dengan jumlah deposit sebanyak RM34 bilion berbanding dengan jumlah penghakiman ingkar sebanyak RM803,271.46 yang telah diperolehi oleh defendan. Plaintif juga telah mengambil langkah untuk mendepositkan jumlah penghakiman tersebut di mahkamah.

[26] Atas alasan-alasan tersebut di atas, kami berpuas hati bahawa hakim yang bijaksana telah tersilap dalam membenarkan injunksi yang dipohon hanya oleh sebab plaintif telah mendepositkan hutang penghakiman yang dituntut ke dalam akaun

peguamnya. Kami mendapati hakim yang bijaksana telah terlepas pandang bahawa plaintif masih lagi belum memuaskan tuntutan statutori defendan pertama yang berasaskan suatu penghakiman yang sah yang tidak digantung perlaksanaannya. Kami tidak dapat menerima penghujahan bahawa pengemukaan sesuatu petisyen penggulungan dengan bersandarkan kepada suatu penghakiman muktamad yang tidak digantung perlaksanaannya merupakan suatu penyalahgunaan proses mahkamah.

[27] Adalah ternyata kepada kami bahawa petisyen yang dimaksudkan itu adalah untuk tujuan yang sah bagi mendesak pembayaran suatu hutang penghakiman yang sah dan bukannya untuk tujuan kolateral yang lain. Pada hemat kami adalah lebih sesuai untuk memutuskan isu mengenai kesolvenan plaintif dalam prosiding penggulungan itu sendiri kerana ia merupakan suatu pembelaan yang boleh dibangkitkan dalam prosiding sedemikian. Seperkara lagi, kami juga mendapati tiada apa-apa dalam afidavit plaintif yang menunjukkan bahawa ia akan mengalami sesuatu kerugian yang sukar untuk dipulihkan jika defendan pertama dibenarkan untuk meneruskan dengan petisyen penggulungan yang dipersoalkan ini.

[28] Dengan yang demikian, rayuan defendan pertama telah dibenarkan. Kos bagi rayuan ini telah ditetapkan pada RM8,000 untuk dibayar oleh plaintif kepada defendan pertama, dan deposit dikembalikan.